

HUKUM MEMBACA QIRAAAT SYAZ DI DALAM SOLAT BERDASARKAN KITAB *MURSYID AL-'A'IZZAH FI BAYAN MAUQIF AL-ULAMA' MIN AL-QIRAAAT AL-SYAZZAH*

Oleh:

Mohamad Redha Bin Mohamad

mohamadredha@kuis.edu.my

Muhammad Zaid Bin Shamshul Kamar

muhammadzaid@kuis.edu.my

Pensyarah Muda

Fakulti Pengajian Peradaban Islam

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Al-Quran merupakan kitab suci umat Islam yang diwarisi secara mutawatir sejak zaman-berzaman. Antara ilmu al-Quran yang dipelajari ialah ilmu qiraat. Qiraat bermaksud bacaan al-Quran yang pelbagai dan pengajiannya masyhur di negara-negara Arab terutamanya Mesir. Di Malaysia juga, beberapa institusi pendidikan turut mengajar ilmu qiraat kepada para penuntut ilmu al-Quran. Walaubagaimanapun, salah satu topik perbincangan di dalam ilmu qiraat iaitu qiraat syaz kurang diambil perhatian dan kurang dipelajari di Malaysia. Oleh itu, kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan hukum membaca qiraat syaz di dalam solat berdasarkan kitab Mursyid al-'A'izzah fi Bayan Mauqif al-Ulama' min al-Qiraat al-Syazzah. Beberapa pendapat ulama' akan dibentangkan supaya masyarakat lebih berhati-hati apabila membaca ayat-ayat al-Quran di dalam solat. Hukum membaca qiraat syaz di dalam solat perlu diambil perhatian kerana solat merupakan ibadah wajib yang dilaksanakan oleh umat Islam pada setiap hari. Kertas kerja ini juga akan memasukkan perbincangan berkaitan qiraat-qiraat syaz yang terdapat di dalam surah al-Fatihah. Ini adalah kerana surah al-Fatihah merupakan salah satu rukun qauli di dalam solat. Permasalahan kajian ini adalah kerana masih ramai umat Islam yang tidak mampu membaca al-Fatihah dengan betul. Metod kajian dilakukan secara kualitatif manakala pengumpulan data dijalankan menerusi kaedah kepustakaan dan pemerhatian. Hasil kajian mendapati setiap individu Muslim perlu berhati-hati ketika membaca ayat-ayat al-Quran di dalam solat terutamanya surah al-Fatihah supaya tidak menyebabkan solat terbatal sekiranya dibaca menggunakan qiraat syaz. Diharapkan kertas kerja ini dapat memberi sumbangan dan manfaat dalam aspek kajian terhadap bidang qiraat dan hukum-hakam pengamalannya dalam kehidupan sehari-hari.

Kata kunci: Qiraat, Syaz, al-Fatihah, Solat

1.0 Pendahuluan

Al-Quran merupakan kitab suci umat Islam yang diwarisi secara mutawatir sejak zaman-berzaman. Ianya dijamin oleh Allah s.w.t. tidak akan diubah dan kekal sehingga ke hari kiamat. Ketika zaman Rasulullah s.a.w., al-Quran tidak dikumpulkan di dalam satu mushaf. Ianya bertebaran dan terpisah di dalam lembaran-lembaran kain, pelepas kurma, keping-keping batu dan lain-lain lagi. Pada bulan Ramadhan setiap tahun, baginda akan bertalaqqi bersama Jibril a.s. untuk semakan al-Quran dan pada tahun kewafatannya baginda bertemu sebanyak dua kali. Dalam pertemuan semakan al-Quran ini, terdapat ayat-ayat al-Quran yang

telah dimansuhkan dan tidak dikira sebagai riwayat mutawatir. Walaupun begitu, terdapat sebahagian maklumat yang tidak sampai kepada sahabat kerana mereka telah merantau ke negara luar.

Pada zaman Saidina Uthman, berlaku perselisihan bacaan al-Quran diantara umat Islam yang telah bertambah ramai pada waktu itu. Oleh itu, beliau mengambil keputusan untuk mengumpulkan ayat-ayat al-Quran yang mutawatir dan dibukukan menjadi mushaf untuk digunakan oleh umat Islam. Selain dari mushaf yang dilaksanakan oleh Saidina Uthman, mushaf-mushaf lain perlu dihapuskan dan dibakar supaya tidak timbul fitnah pada masa akan datang. Antara kriteria ayat-ayat al-Quran yang tidak diterima masuk ke dalam mushaf Uthmani adalah yang berbentuk riwayat perseorangan ataupun ayat yang bercampur dengan tafsiran para sahabat. Ayat-ayat al-Quran jenis ini termasuk dalam kategori qiraat syaz.

Antara ilmu al-Quran yang dipelajari penuntut ilmu ialah ilmu qiraat. Qiraat bermaksud bacaan al-Quran yang pelbagai dan pengajiannya masyhur di negara-negara Arab terutamanya Mesir. Di Malaysia juga, beberapa institusi pendidikan turut mengajar ilmu qiraat kepada para penuntut ilmu al-Quran. Walaubagaimanapun, salah satu topik perbincangan di dalam ilmu qiraat iaitu qiraat syaz kurang diambil perhatian dan kurang dipelajari di Malaysia. Para ulama' berpendapat hukum mempelajari qiraat syaz adalah dibenarkan walaupun tidak boleh diperaktikkan dan tidak boleh dibaca. Ini bertujuan supaya penyebaran ilmu qiraat syaz tidak terhenti dan terus dilupakan.

Oleh itu, kertas kerja ini akan membincangkan salah satu topik di dalam pengajian qiraat syaz iaitu hukum membaca qiraat syaz di dalam solat berdasarkan kitab *Mursyid Al-'A'izzah fi Bayan Mauqif al-Ulama' min al-Qiraat al-Syazzah*.

2.0 Biografi Dr. Abdul Karim Ibrahim Soleh dan Pengenalan Kitab *Mursyid Al-'A'izzah Fi Bayan Mauqif Al-Ulama' Min Al-Qiraat Al-Syazzah*

Nama sebenar beliau ialah Abdul Karim Ibrahim Iwadh Soleh. Beliau dilahirkan pada 1956 di daerah Buhairah, Mesir. Antara kelayakan yang beliau perolehi adalah Sijil Tajwid (1975), Sijil Tinggi Qiraat (1978), Sijil Takhassus Qiraat (1981), Permit Pendidikan Islam dan Arab (1988), Sarjana (1996), Phd (2001), Prof. Madya (2005) dan Professor (2012).

Beliau adalah pensyarah di Fakulti al-Quran al-Karim, Universiti al-Azhar cawangan Tanta dan merupakan Ketua Jabatan Tafsir, Ulum al-Quran & al-Qiraat. Beliau juga salah seorang ahli jawatankuasa pentashih mushaf al-Quran al-Azhar di Kementerian Waqaf Mesir. Beliau sering dilantik menjadi hakim pertandingan al-Quran di peringkat antarabangsa. Beliau juga selalu menghadiri dan membentang kertas kerja di seminar-seminar berkaitan al-Quran sekitar negara-negara Arab.

Beliau telah berjaya menghasilkan pelbagai buku ilmiah berkaitan al-Quran dan al-Qiraat. Antara karya beliau ialah *Mursyid Al-'A'izzah Fi Bayan Mauqif Al-Ulama' Min Al-Qiraat Al-Syazzah*. Buku ini telah dihasilkan pada tahun 2002. Buku ini menjadi silibus

pelajaran kepada pelajar-pelajar Kuliah al-Quran di Universiti al-Azhar, Tanta. Di samping itu, pelajar Ijazah Sarjana Muda Al-Quran Dan Al-Qiraat, Kolej Universiti Antarabangsa Selangor juga menggunakan buku ini sebagai rujukan untuk subjek Al-Qiraat As-Syazzah. Buku ini menjadi rujukan para penuntut ilmu al-Quran dan boleh diperolehi di beberapa laman sesawang kitab-kitab Arab.

Buku ini terbahagi kepada empat bahagian iaitu pendahuluan, pengenalan, tiga bab utama dan rumusan. Pada bahagian pengenalan, pengarang membincangkan berkaitan maksud qiraat syaz, jenis-jenisnya, hukum melaksanakan ibadah dengannya dan hukum membaca qiraat syaz di luar solat.

Dalam bab yang pertama, pengarang membincangkan berkaitan pendapat 4 mazhab fiqh yang muktabar terhadap penghujahan menggunakan qiraat syaz dan disertakan beberapa contoh qiraat syaz yang memberi kesan terhadap hukum-hukum fiqh. Manakala dalam bab kedua, pengarang membincangkan tentang pendapat ahli bahasa terhadap qiraat syaz dan penghujahan menggunakan dan bab ketiga berkaitan kesan-kesan qiraat syaz terhadap perluasan makna dan penerangan kekeliruan yang terdapat dalam ayat-ayat al-Quran. Pengarang berharap agar para pembaca dapat memahami ilmu qiraat syaz dan menjadikan kita daripada ahli al-Quran yang menerangi alam.

3.0 Pengenalan Qiraat Syaz Dan Rukun Bacaan Yang Diterima

Dari segi bahasa, qiraat bermaksud bacaan-bacaan manakala syaz bermaksud bersendirian. Dari segi istilah, qiraat syaz bermaksud bacaan yang telah gugur salah satu atau lebih dari tiga rukun bacaan yang diterima iaitu bertaraf mutawatir. Ini bermaksud, qiraat syaz adalah berlawanan dengan qiraat mutawatir. Tiga rukun qiraat yang mutawatir ialah sanadnya yang sahibh, menepati bahasa Arab walaupun dari satu sudut dan bertepatan dengan salah satu rasm mushaf uthmani. Sekiranya ada ayat al-Quran yang tidak mencukupi ketiga-tiga rukun ini, maka ia termasuk dalam kategori qiraat syaz.

Rukun 1: Rukun qiraat mutawatir yang dikatakan paling utama adalah sah sanad. Sanad yang sah bermaksud bacaan tersebut diriwayatkan oleh seorang yang adil dan kuat ingatannya, dari awal sanad hingga ke akhirnya. Sebahagian ulama' mensyaratkan sanad bacaan yang sahibh itu perlulah mutawatir iaitu bermaksud bacaan yang diriwayatkan oleh ramai perawi yang diambil dari ramai perawi dan pada logiknya mustahil mereka berpakuat untuk menipu, dan mutawatir ini berterusan dari awal sanad hingga ke akhirnya.

Sanad adalah perkara yang sangat penting dalam bacaan al-Quran kerana al-Quran hanya diwarisi dengan satu kaedah sahaja secara turun-temurun iaitu melalui bacaan daripada guru kepada muridnya. Sanad merupakan keistimewaan eksklusif umat Islam sebagaimana Abdullah Ibn Mubarak menegaskan bahawa, "*al-isnad (sanad-sanad) itu adalah sebahagian daripada agama, kalau ia tiada, nescaya sesiapa sahaja akan berkata apa sahaja yang dia suka.*" "*Sanad itu senjata mukmin. Jika seseorang tidak memiliki senjata, maka dengan apakah dia ingin berperang?*".

Rukun 2: Ayat al-Quran itu bertepatan dengan salah satu dari rasm mushaf uthmani. Ini bermaksud ayat al-Quran itu diterima sebagai qiraat mutawatir walaupun hanya bertepatan dengan sebahagian mushaf uthmani sahaja. Sebagai contoh, ayat Surah ali Imran ayat 133 yang dihazaf huruf س, sebelum huruf س adalah bertepatan dengan mushaf Madinah dan Syam. Ayat tersebut adalah seperti di bawah:

وَسَارُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِّنْ رِبْكَمْ

Rukun 3: Menepati kaedah bahasa Arab walaupun dari satu sudut. Tidak disyaratkan ayat al-Quran tersebut untuk menepati kaedah bahasa Arab yang paling rajih.

4.0 Jenis-Jenis Qiraat Syaz

Syeikh Abdul Karim telah membahagikan qiraat syaz kepada empat bahagian iaitu:

i. Qiraat yang menepati rasm uthmani dan salah satu dari kaedah bahasa Arab tetapi tidak sah pada periyawatan sanadnya. Contohnya ialah qiraat Abu Sammal dan Ibnu Sumaifa' pada surah Yunus ayat 92:

فَالْيَوْمَ نُنْجِيكَ بِبَدْنِكَ لِتَكُونَ لَمَنْ خَلْفَكَ ءَايَةً وَإِنَّ كَثِيرًا مِّنَ النَّاسِ عَنْ ءَايَاتِنَا لَغَافِلُونَ ۝

Mereka membaca ayat ini dengan menggunakan huruf ح pada kalimah ننجيك dan membaca menggunakan baris atas pada huruf ل dalam kalimah خلفك. Bacaan ini adalah syaz dan dianggap lemah serta ditolak oleh ulama'

ii. Qiraat yang menepati rasm uthmani dan mempunyai sanad yang sah tetapi tidak menepati mana-mana kaedah Bahasa Arab. Contohnya ialah riwayat Ibnu Kharijah yang membaca dengan huruf hamzah معائش pada kalimah معايش dalam surah al-A'raf ayat 10 iaitu:

وَلَقَدْ مَكَنَّكُمْ فِي الْأَرْضِ وَجَعَلْنَا لَكُمْ فِيهَا مَعَيْشًا قَلِيلًا مَا تَشْكُرُونَ ۝

iii. Qiraat yang sah sanadnya dan menepati salah satu daripada kaedah bahasa Arab tetapi menyalahi rasm uthmani. Contohnya bacaan Saidina Umar, Ibnu Abbas dan Ibnu Mas'ud yang membaca dengan فامضوا pada kalimah فاسعوا dalam surah al-Jumuah ayat 9 iaitu:

...فَلَّا سَعَوا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْأَبْيَعَ ...

iv. Qiraat yang menepati rasm uthmani dan salah satu kaedah bahasa Arab tetapi tidak diriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w. Yang mana bermaksud qiraat jenis ini adalah direka oleh manusia. Kebiasaannya qiraat jenis ini adalah hasil daripada pendapat-pendapat ilmuwan nahu yang mana sebahagian daripada mereka mengharuskan bacaan yang hanya menepati kaedah nahu dan rasm walaupun qiraat tersebut tidak mempunyai riwayat daripada Baginda

s.a.w. Qiraat syaz jenis ini adalah yang paling layak ditolak dan pembacanya dikira melakukan dosa yang besar.

5.0 Surah al-Fatiyah Dan Qiraat Syaz Yang Terdapat Di Dalamnya

Surah al-Fatiyah merupakan salah satu rukun qauli di dalam solat. Maka barang siapa yang tidak membaca al-Fatiyah dengan sahih, solat individu tersebut akan terbatal. Termasuk juga individu yang membaca al-Fatiyah di dalam solat menggunakan qiraat syaz, majoriti ulama' berpendapat solat mereka dikira batal. Hukum berkaitan pembacaan qiraat syaz akan diterangkan di dalam bab yang berikutnya.

Banyak kajian yang berkaitan dengan surah al-Fatiyah telah dijalankan. Antara kajian yang utama adalah berkaitan tahap kelancaran, tahap kefasihan dan penguasaan tajwid terhadap surah al-Fatiyah. Antara kajian lepas yang pernah dijalankan ialah *Hubungkait Antara Tahap Penguasaan Bacaan Dengan Tahap Kefahaman Mahasiswa Pusat Asasi KUIS Terhadap Surah Al-Fatiyah* oleh Mohd Rasyidi Ali, Wan Fakhrul Razi, Abdul Hadi Awang dan Muhammad Faiz Mukmin, *Kajian Pembacaan Surah Al-Fatiyah Di Kalangan Pelajar Politeknik Kuching Sarawak* oleh Muhammad Farhan Ismail dan Siti Nurfarhana Zakaria dan banyak lagi kajian-kajian lain. Kajian tahap pembacaan al-Fatiyah sangat perlu dititikberatkan kerana ia termasuk salah satu rukun qauli dalam solat. Sebagaimana juga Rasulullah pernah bersabda:

لَا صَلَاةٌ لِّمَنْ لَمْ يَقْرَأْ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ

Yang bermaksud: *Tidak dikira solat bagi mereka yang tidak membaca al-Fatiyah.*

Walaupun surah al-Fatiyah hanya mempunyai tujuh ayat, qiraat syaz yang terkandung di dalamnya adalah banyak. Oleh itu, setiap pembaca perlu berhati-hati supaya tidak tertukar dan menggunakan qiraat syaz ketika membaca surah al-Fatiyah. Berikut disenaraikan beberapa qiraat syaz yang terdapat di dalam surah al-Fatiyah.

Kalimah الحمد لله:

- i. Qiraat Hassan dan Zaid bin Ali dengan mengkasrahkan dal (الحمد لله)
- ii. Qiraat Abi Sufian bin Uyainah dan Raubah al-Ujaj dengan memfathahkan huruf dal (الحمد لله)
- iii. Qiraat Hassan dengan memfathahkan huruf dal dan lam (الحمد لله)
- iv. Qiraat Ibrahim bin Abi 'Ablah dengan mendhommahkan dal dan lam (الحمد لله)

Kalimah رب العالمين:

- i. Qiraat Abu Zaid ibn Sa'id membacanya dengan dua bacaan iaitu memfathahkan ba' (ب) dan mendhomahkan ba' (رب).

Kalimah ملِك ada ulama' yang menyenaraikan sehingga 10 qiraat syaz untuk kalimah ini, antaranya:

- i. Qiraat Abu Solih dengan memfathahkan huruf kaf (مالٰك)
- ii. Qiraat Ali bin Abi Thalib dengan memfathahkan lam dan kaf (ملَك)
- iii. Qiraat al-Yamani dengan menambah huruf ya' selepas lam (مُلَيْكٰ)

Kalimah إِيَّاكَ نَعْبُدُ:

- i. Qiraat Abu al-Sawwar dengan menggunakan huruf ha' fathah (هَيَّاكَ)

Kalimah نَسْتَعِينَ:

- i. Qiraat al-Mutawwa'i dengan mengkasrahkan huruf nun (نِسْتَعِينَ)

Ayat اهدا الصراط المستقيم:

- i. Hassan membacanya dengan (اهدنا صراطاً مستقيماً)

Kalimah عَلَيْهِمْ:

- i. Qiraat Hassan dan Amru bin Faid dengan mengkasrahkan mim dan menambah ya' selepasnya (عليهِمْي)

Kesemua di atas adalah sebahagian contoh-contoh qiraat syaz yang terdapat di dalam surah al-Fatiyah. Dapat kita lihat walaupun hanya tertukar satu baris, ia boleh menyebabkan bacaan al-Fatiyah kita tidak sah lalu membatalkan solat. Seharusnya setiap individu mengambil berat dan berhati-hati ketika membaca al-Fatiyah supaya dapat membaca dengan qiraat mutawatirah iaitu qiraat yang sah dan diterima baca.

6.0 Hukum Membaca Qiraat Syaz Di Dalam Solat

Setiap perbuatan atau ibadah yang dilakukan perlu diketahui hukumnya terlebih dahulu. Terdapat beberapa isu qiraat syaz yang berkait dengan hukum fiqh. Empat mazhab fiqh yang muktabar juga mempunyai pandangan yang berbeza terhadap penggunaan qiraat syaz untuk berhujah dan menjadi dalil hukum. Manakala hukum beribadah menggunakan qiraat syaz pula terbahagi kepada dua iaitu di dalam solat dan di luar solat. Kertas kerja ini akan membincangkan hukum membaca qiraat syaz di dalam solat. Para ulama' berbeza pendapat dan terbahagi kepada 3 mazhab sekiranya qiraat syaz dibaca di dalam solat.

Mazhab 1: Harus membaca al-Quran menggunakan qiraat syaz di dalam solat. Ini adalah pendapat sebahagian ulama', salah satu pendapat dari ashab Syafie dan imam Abu Hanifah dan salah satu riwayat daripada imam Malik dan imam Ahmad.

Mazhab ini berhujah dengan menyatakan bahawa para sahabat dan tabi'in telah membaca dengan menggunakan qiraat syaz di dalam solat mereka pada zaman nabi dan selepasnya. Dan tidak ada syak mahupun keraguan bahawa solat mereka semua adalah sah. Sabda Rasulullah s.a.w.:

من أحب أن يقرأ القرآن غضا كما أنزل فليقرأه على قراءة ابن أم عبد

Yang bermaksud: *Barangsiapa yang ingin membaca al-Quran segar sebagaimana ianya diturunkan, hendaklah dia membacanya mengikut bacaan anak Ummu 'Abd.*

Manakala dalam hadis yang lain apabila Saidina Umar dan Hisyam bin Hakim berbeza bacaan di dalam surah al-Furqan, Baginda telah bersabda:

اقرءوا كما علمتم، وفي رواية أخرى: إن هذا القراءان أنزل على سبعة أحرف، فاقرءوا ما تيسر منه.

Yang bermaksud: *Bacalah sebagaimana yang kamu ketahui. Di dalam riwayat lain: Sesungguhnya al-Quran ini diturunkan di atas Sab'ah Ahruf, maka bacalah apa yang mudah daripadanya.*

Sebagaimana yang kita ketahui, para sahabat sebelum pengumpulan al-Quran zaman Saidina Uthman, mereka membaca menggunakan qiraat yang tidak terdapat di dalam mushaf dan solat dengan menggunakan bacaan tersebut. Walaubagaimanapun, tiada seorang pun daripada mereka yang mengharamkan perbuatan tersebut ataupun menganggap solat mereka tidak sah.

Hujah yang kedua, mazhab ini menggunakan dalil akal. Mereka menyatakan sekiranya haram membaca qiraat syaz di dalam solat, ini bermaksud para sahabat telah melakukan perkara yang haram dan berdosa, maka tidak boleh berhujah menggunakan kata-kata para sahabat. Hal ini adalah tidak benar dan majoriti ulama' menggunakan kata-kata sahabat untuk berhujah.

Mazhab 2: Tidak harus membaca menggunakan qiraat syaz di dalam solat. Ini adalah pendapat majoriti ulama'.

Mazhab ini berhujah dengan menyatakan bahawa qiraat syaz tidak mencapai tahap mutawatir daripada Rasulullah s.a.w. Sekiranya qiraat syaz ini sahih sanadnya,

berkemungkinan ianya telah dimansuhkan pada pertemuan terakhir Baginda bersama Jibril a.s., ataupun dimansuhkan oleh ijmak sahabat kerana tidak menepati rasm uthmani, ataupun ianya tidak termasuk dalam *ahruf as-sab'ah*.

Imam Nawawi pernah menyebut di dalam kitabnya al-Majmu': "*Tidak dibolehkan membaca al-Quran di dalam solat atau selain daripadanya dengan menggunakan qiraat yang syaz kerana ia bukan daripada al-Quran. Ini kerana, al-Quran tidak disabitkan melainkan dengan riwayat mutawatir*".

Mazhab 3: Mazhab ini berada pada pertengahan. Ini adalah pendapat sebahagian ulama'.

Sekiranya qiraat syaz dibaca dalam bacaan wajib iaitu surah al-Fatihah yang merupakan rukun solat, maka tidak sah solat mereka. Ini berikutan kerana tidak diyakini mereka telah melaksanakan rukun solat dengan menggunakan qiraat yang sabit daripada Rasulullah s.a.w. Manakala sekiranya qiraat syaz dibaca dalam bacaan yang tidak wajib seperti surah selepas bacaan al-Fatihah, maka solat mereka tidak batal. Ini berikutan kerana tidak diyakini mereka telah melakukan perkara yang membatalkan solat disebabkan berkemungkinan qiraat syaz itu adalah sebahagian daripada ayat-ayat al-Quran yang pernah diturunkan.

Pandangan pengarang: Pengarang kitab ini iaitu Syeikh Dr. Abdul Karim Ibrahim Soleh lebih cenderung untuk memilih pendapat mazhab kedua iaitu mazhab majoriti ulama' yang melarang untuk membaca qiraat syaz di dalam solat. Ini adalah kerana ayat-ayat al-Quran yang tidak thabit daripada Rasulullah, tidak sah beribadah dengannya. Adapun bacaan para sahabat di dalam solat tidak membawa kepada batal kerana bacaan mereka tidak dikira syaz disebabkan mereka telah bertalaqqi ayat tersebut secara terus daripada Baginda s.a.w. Manakala bacaan tersebut dikira syaz disisi umat Islam masa kini kerana menyalahi ijma' para sahabat terhadap bacaan-bacaan di dalam mushaf Saidina Uthman dan ijma' didahulukan ke atas riwayat ahad.

Pengkaji juga bersetuju dengan pendapat yang dipilih oleh pengarang kitab iaitu pendapat yang melarang bacaan syaz di dalam solat berdasarkan dalil-dalil yang telah diberikan.

7.0 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kertas kerja ini membincangkan hukum membaca qiraat syaz di dalam solat. Tiga pendapat telah dikeluarkan dan pendapat majoriti ulama' digunakan oleh umat Islam iaitu dilarang membaca qiraat syaz di dalam solat. Individu yang membaca menggunakan qiraat syaz akan menyebabkan solatnya terbatal. Walaupun begitu, para ulama' mengharuskan qiraat syaz untuk dipelajari untuk menjamin kelangsungan dan kesinambungan ilmu qiraat. Kertas kerja ini juga membentangkan beberapa wajah qiraat syaz yang terdapat di dalam surah al-Fatihah untuk memberi pendedahan kepada para penuntu ilmu. Hasil kajian mendapati setiap individu Muslim perlu berhati-hati ketika membaca ayat-ayat al-Quran di dalam solat terutamanya surah al-Fatihah yang merupakan rukun solat

supaya tidak menyebabkan solat terbatal sekiranya dibaca menggunakan qiraat syaz. Diharapkan kertas kerja ini dapat memberi sumbangan dan manfaat dalam aspek kajian terhadap bidang qiraat dan hukum-hakam pengamalannya dalam kehidupan seharian.

Rujukan buku:

Al-Quran dan hadis.

Dr. Abdul Karim Ibrahim Soleh. (2002). *Mursyid al-'a'izzah fi bayan mauqif al-ulama' min al-qiraat al-syazzah*. Kitab Kuliah al-Quran, Universiti al-Azhar, Tanta.

Abdul Fatah al-Qadhi. *Sejarah Mushaf terj.* Yayasan Terengganu.

Miftahul Asror Malik. (2018). *Mukjizat Al-Quran*. Galeri Ilmu.

Rujukan proceeding:

Muhammad Fairuz A. Adi, Shaharuddin Saad & Muhammad Syafee Salihin. (2017). Yahya al-Mubarak al-Yazidi Perawi Masyhur Qiraat Syaz. *e-proceeding Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3*.

Riswadi Azmi & Mustaffa Abdullah. (2011). Penyelewengan Dalam Ilmu Qiraat: Kajian Terhadap Karya Ilmu Qiraah Al-Quran Pelajaran Qiraat Al-Sab'ah (Qiraat Tujuh) Susunan Drs Abdul Malik Yamint. *Kertas kerja Saminor Wahyu Asas Tamadun, USIM*.

Rujukan laman web:

Irsyad Usul al-Fiqh Siri Ke-10. (2016). Perbahasan Sekitar Hukum Berhujah Dengan Qiraat Syazzah. [online].

www.muftiwp.gov.my. (Dilayari pada 27 September 2018).

Al-Kafi 716. (2018). Menukar Huruf Dho' (ڏ) Dengan Zho' (ڙ) Pada Kalimah ﴿لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ﴾ Di Dalam Surah Al-Fatiyah. [online].

www.muftiwp.gov.my. (Dilayari pada 27 September 2018).